

10/07/2002

Presiden Iran lawat Malaysia mulai 22 Julai

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Iran, Mohammad Khatami, akan mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 22 hingga 23 Julai ini dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala, terutama di sektor perdagangan dan pelaburan.

Dalam rangka lawatan itu, Khatami akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membincangkan serta bertukar pandangan mengenai pelbagai isu antarabangsa serta perkara yang mempunyai kepentingan bersama.

Beberapa memorandum persefahaman (MoU) juga akan dimeterai, termasuk dalam bidang pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pembangunan wanita dan keluarga.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia berharap dapat menandatangani sekurang-kurangnya empat memorandum ketika lawatan itu.

"Beberapa memorandum lain juga sedang disediakan pegawai kedua-dua negara untuk ditandatangani," katanya pada sidang media bersama selepas Mesyuarat Kelima Suruhanjaya Bersama Malaysia-Iran di sini, hari ini.

Delegasi Iran ke mesyuarat dua hari itu, yang berakhir hari ini, diketuai Menteri Luarnya, Dr Kamal Kharrazi. Terdahulu, Syed Hamid dan Kamal menandatangani minit mesyuarat suruhanjaya berkenaan.

Pada majlis itu, Syed Hamid turut menyampaikan sumbangan Malaysia bernilai Euro 31,138 kepada Kamal sebagai bantuan kemanusiaan kepada rakyat Iran yang menjadi mangsa gempa bumi bulan lalu.

Syed Hamid berkata, lawatan Khatami akan memantapkan lagi hubungan baik di antara Malaysia dan Iran.

"Saya percaya dalam perbincangan ketua kerajaan kita dan Iran, soal kepentingan bersama, isu antarabangsa yang membabitkan umat Islam seluruh dunia serta ketamadunan akan dibangkitkan, selain soal perdagangan dan pelaburan," katanya.

Kamal pula menyifatkan lawatan pemimpinnya itu membuktikan betapa eratnya hubungan dua hala di antara Iran dan Malaysia.

"Ia juga memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin membincangkan serta mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi dunia Islam," katanya.

Mengenai mesyuarat dua hari itu, Syed Hamid berkata ia amat berjaya kerana kedua-dua pihak dapat mencapai persefahaman dalam masa yang singkat dengan banyak bidang kerjasama dikenal pasti bagi mempertingkatkan lagi hubungan di kedua-dua negara.

Katanya, usaha kini perlu ditumpukan ke arah menterjemahkan persetujuan yang dicapai kepada program dan projek kerjasama.

"Justeru, saya menggesa Kedutaan Iran di Kuala Lumpur dan Kedutaan Malaysia di Taheran menerajui usaha bagi melaksanakan keputusan yang terkandung dalam minit mesyuarat yang dipersetujui ini," katanya.